

**PROGRAM PEMULIHAN AKHLAK WANITA: SEJAUHMANAKAH
KEBERKESANAN PUSAT PERLINDUNGAN WANITA MEMBANTU
PROSES PEMULIHAN?**

**DR. AZIZI HJ. YAHAYA
MOHD. ANUAR ABD RAHMAN
ABD RAHIM HAMDAN
YUSOF BOON
Jabatan Pendidikan Asas
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai, Johor.**

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan program yang sedang dijalankan di Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Taman Seri Puteri Cheras, Jerantut dan Rembau dan Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka. Di pusat perlindungan ini, wanita dan gadis yang terlibat akan menjalani program pemulihan akhlak yang bertujuan untuk memberikan bimbingan dan panduan kepada mereka sebagai persediaan untuk kembali kepangkuhan masyarakat. Kajian ini dibuat dalam bentuk deskriptif dan instrumen kajian ialah soal selidik. Soal selidik yang digunakan ini dibina dan diubahsuai oleh penyelidik sendiri. Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan kaedah Cronbach Alpha, di mana nilai keseluruhannya ialah 0.87. Responden kajian terdiri daripada 366 orang responden. Kelayakan responden yang dipilih berdasarkan tempoh mereka telah menjalani program di kedua-dua pusat. Pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini ialah Program Bimbingan dan Kaunseling, Pendidikan akhlak, Kemudahan dan kelengkapan yang telah tersedia, Program Kebudayaan dan Sosial, Punca terlibat dan peranan Lembaga Pelawat. Hasil dapatan kajian menunjukkan, pelatih tidak dapat mengikuti program secara berkesan. Analisis dapatan kajian yang menggunakan program SPSS berjaya mengesan beberapa kelemahan dalam perlaksanaan program-program yang sedia ada seperti kaunselor yang tidak bertauliah, kelas pendidikan akhlak yang membosankan dan kemudahan serta kelengkapan yang tidak lagi sesuai dan selesa. Secara keseluruhannya didapati program yang dijalankan di Taman-taman puteri dan Tunas Bakti kurang berkesan.

Pengenalan

Masalah sosial yang melibatkan golongan remaja dengan budaya lepak, curi, dadah, bohsia dan sebagainya telah didedahkan kepada kita setiap hari menerusi akhbar, radio dan televisyen (Utusan Malaysia, 7hb.Mac 1997). Mengikut kenyataan Napsiah Omar (Berita Harian, 3hb.Febuari 1993), bilangan remaja yang rosak akhlak masih tinggi. Pada tahun 1988 sebanyak 3,978 kes dicatatkan, 4,111 kes pada tahun 1989, 3,763 kes pada tahun 1990 dan 2658 kes sehingga oktober 1996

. Menurut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (Akademik Keluaran Khas,1997), daripada jumlah 1,526 wanita dan gadis yang diselamatkan dari tempat maksiat, 76.3% berusia di bawah 18 tahun. Angka ini mengejutkan jika diambil kira bahawa 65.7 % daripada jumlah remaja yang dilaporkan hilang dari rumah kepada pihak polis adalah perempuan. Daripada jumlah 606 kes wanita dan gadis yang diberi perlindungan di Pusat Perlindungan Wanita mempunyai latar belakang lari dari rumah. Rekod tersebut memberi gambaran tentang remaja yang telah menjadi mangsa gejala sosial. Mereka ini memerlukan pertolongan agar tidak terus hanyut ke dalam arus yang lebih merbahaya. Sebenarnya perangkaan ini hanya merupakan permukaan masalah sahaja, sedangkan jumlah sebenar remaja yang mempunyai risiko tinggi itu masih banyak dan sukar dikesan. Mereka yang berjaya dikesan, walau bagaimanapun sudah pasti akan mendapat penjagaan gantian melalui proses pemulihan, dan mereka berpeluang kembali ke pangkuhan masyarakat sebagai anggota yang berdikari serta berguna untuk pembangunan negara.

Jadual 1.1 : Perkadaran Remaja Perempuan Yang Diselamatkan oleh Pihak Polis Bersabit dengan Pelacuran/ Terdedah Kepada Bahaya Moral Mengikut Umur di Malaysia, 1986 - 1990.

| Tahun | Kumpulan Umur (Tahun) | | | | Peratusan (18thn & Ke bawah) |
|--------|-----------------------|------------------|------------------|--------|------------------------------------|
| | Bawah 15thn. | <15thn>18th n | >18thn<21th n | Jumlah | |
| 1986 | 28 | 287 | 282 | 597 | 52.76 |
| 1987 | 41 | 245 | 257 | 543 | 52.67 |
| 1988 | 16 | 163 | 168 | 347 | 51.59 |
| 1989 | 32 | 245 | 328 | 605 | 45.79 |
| 1990 | 41 | 229 | 264 | 534 | 50.56 |
| Jumlah | 158 | 1169 | 1299 | 2626 | 50.53 |

Punca: Buletin Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia (1986-1990)

Kerosakan akhlak yang begitu ketara sekali akibat dari fenomena remaja ini telah melanda bukan sahaja bandar-bandar besar malah ianya telah berjangkit ke bandar-bandar kecil. Ann Wan Seng (1994) menyatakan bahawa kemerosotan akhlak dan penglibatan dalam gejala anti sosial di kalangan remaja di bandar-bandar sekarang semakin meningkat di mana di dapati 44.9 % berumur 15 hingga 18 tahun dan 7.3 % berumur 18 hingga 21 tahun (Utusan Malaysia, 15 nov, 1993).

Buat masa kini, gadis remaja yang ditangkap kerana terlibat dengan masalah sosial akan dihantar ke institusi pemulihan akhlak bagi menjalani proses pemulihan. Kemasukan mereka ini, majoritinya adalah atas perintah mahkamah atau akta yang berkaitan seperti Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1996). Program pemulihan akhlak yang dijalankan oleh institusi tersebut dapat membantu remaja yang bermasalah untuk memperbaiki sikap negatif dan seterusnya menghalang mereka dari terjerumus semula ke dalam masalah sosial yang lebih serius.

Bagi pihak kerajaan pujian harus diberikan kerana banyak langkah-langkah yang tegas telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini. Bermula dari peringkat sekolah, para pelajar telah didedahkan dengan pendidikan agama dan moral yang menjadi salah satu mata pelajaran utama di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Langkah selajunya kerajaan juga mengadakan program rakan muda dan rakan masjid untuk menangani masalah gejala sosial yang begitu membimbangkan di kalangan remaja yang telah keluar dari alam persekolahan.

Menurut bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, seramai 4125 orang yang terbabit dengan kes remaja telah dihadapkan ke mahkamah pada tahun 1996, berbanding 4012 pada tahun 1995 (Utusan Malaysia, 14 September 1997). Peningkatan jumlah remaja yang dihadapkan ke mahkamah, jelas menunjukkan bahawa bilangan remaja yang terlibat menjalani program pemulihan di institusi pemulihan akhlak turut bertambah.

Kenyataan dari Polis Di Raja Malaysia pula, dari tahun 1994 hingga 1996, terdapat seramai 7614 orang remaja berumur di antara 15 hingga 18 tahun terlibat dengan semua kes jenayah. Sementara remaja dalam lingkungan umur 13 hingga 15 tahun pula berjumlah 3814 orang dan remaja yang berumur antara 10 hingga 12 tahun yang terlibat pula berjumlah 612 orang (Utusan Malaysia, 26 Ogos 1997).

Oleh itu satu kajian tentang keberkesanan program yang telah dijalankan di pusat pemulihan dirasakan perlu bagi membantu pihak yang berkenaan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program yang sedia ada.

Pernyataan Masalah

Peningkatan jumlah remaja yang terlibat dengan masalah sosial telah mendorong pihak kerajaan dan badan sukarela yang lain untuk merancang dan melaksanakan berbagai program atau strategi bagi mengatasinya. Semua program ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada remaja agar tidak terjebak ke dalam masalah sosial (Utusan Malaysia, 26 Jun 1997).

Di samping itu juga beberapa institusi dan pusat pemulihan telah diwujudkan berserta dengan program-program yang bersistematis. Namun masalahnya kini, peratus golongan remaja yang terjerumus dalam gejala sosial yang negatif terus meningkat. Ini sudah pasti memperlihatkan kepada kita

keperluan satu pendekatan dan kaedah yang baru serta difikirkan lebih sesuai dalam menangani masalah ini.

Temu bual dengan En.Jaafar bin Abd Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, mengakui memang banyak masalah yang dihadapi oleh Pusat Pemulihan Wanita dan Gadis Taman Seri Puteri terutamanya keberkesanan beberapa program yang dilaksanakan. Banyak faktor yang beliau tegaskan telah mempengaruhi keadaan ini. Sebagai contoh, kata beliau ialah program dalam bidang akademik, di mana guru terlatih yang telah dihantar oleh Kementerian Pendidikan itu sendiri adalah guru yang bermasalah.

Berdasarkan penyata laporan bulanan di Taman Seri Puteri Cheras dan Rembau pula, didapati banyak program dan aktiviti pemulihan yang telah dilaksanakan untuk membantu mereka yang terlibat ini kembali ke pangkal jalan. Program-program yang telah sedia ada termasuklah bimbingan dan kaunseling, aktiviti keagamaan, latihan teknik dan vokasional, pertanian dan juga rekreasi. Bagaimanapun kesemua program ini masih boleh dibuat kajian tentang keberkesanan perlaksanaannya. Ini kerana mengikut laporan Taman Seri Puteri Rembau bagi bulan Mei 1998 sahaja, daripada 218 orang pelatih yang berdaftar, 67 orang pelatih telah berjaya melarikan diri dari pusat ini. Persoalannya apakah yang menyebabkan mereka ini berbuat demikian. Adakah kerana programnya atau kerana kelengkapan dan kemudahan yang disediakan tidak memuaskan atau pun kaunselor dan pembimbing yang menjadi faktor.

Juga perlu diberikan perhatian, adakah program pemulihan yang dilaksanakan oleh institusi pemulihan akhlak tersebut mampu mengubah sikap pelatih agar tidak mengulangi sikap lamanya. Selain itu, perlu juga dilihat sikap pelatih terhadap program-program pemulihan yang dilaksanakan.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti keberkesanan program bimbingan dan kaunseling dalam proses pemulihan pelatih.
2. Meninjau sama ada program Pendidikan Akhlak yang sedia ada berkesan dalam proses pemulihan pelatih.
3. Mengenal pasti kemudahan dan kelengkapan yang sedia ada benar-benar mencukupi dan selesa digunakan.
4. Untuk mengetahui peranan kakitangan yang sedia ada untuk mengendalikan program pemulihan.
5. Mengenal pasti keberkesanan peranan Lembaga Pelawat dalam membantu menjayakan program pemulihan.

Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada tujuan di atas beberapa persoalan kajian telah dikemukakan seperti berikut:

1. Adakah program bimbingan dan kaunseling berkesan dalam proses pemulihan pelatih ?
2. Adakah program Pendidikan Akhlak yang sedia ada berkesan dalam proses pemulihan pelatih ?
3. Adakah segala kemudahan dan kelengkapan yang ada di pusat ini mencukupi dan bersesuaian bagi melaksanakan program pemulihan untuk para pelatih ?
4. Adakah peranan kakitangan pusat pemulihan mencukupi untuk mengendalikan program pemulihan ini ?
5. Adakah peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pelawat berkesan dalam proses pemulihan pelatih ?

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini juga bertujuan untuk membekalkan maklumat kepada pihak yang terlibat dalam melaksanakan program-program pemulihan akhlak iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat amnya dan Pusat Perlindungan Wanita. Di samping itu penyelidik juga berpeluang untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat dan keluarga pelatih tentang program-program pemulihan yang dilaksanakan oleh pusat ini.

Kajian ini juga cuba melihat kesesuaian program-program yang telah dijalankan dalam memenuhi matlamat asas penubuhan pusat pemulihan ini. Dengan segala kelengkapan dan kemudahan yang disediakan di pusat ini, kajian ini cuba meninjau keberkesanan penggunaan kelengkapan dan kemudahan yang ada.

Berdasarkan analisis terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelatih, bolehlah nanti dijadikan asas dan panduan kepada para kaunselor yang terlibat untuk memperbaiki lagi cara bimbingan dan didikan mereka kepada para pelatih.

Batas Kajian

Memandangkan kajian yang dijalankan ini bersifat peribadi, segala maklumat yang diperoleh bersifat sulit. Kajian ini hanya dapat dijalankan Semenanjung Malaysia seperti di Pusat Pemulihan dan Perlindungan Taman Seri Puteri, Cheras, Selangor, Taman Seri Puteri Rembau, Negri Sembilan, Pusat perlindungan Wanita di Perak, Sekolah Pemulihan Akhlak di Sungai Lereh

Melaka dan Jerantut. Ini kerana terdapat kekangan masa dan kewangan maka kajian di dua buah pusat yang lain di sabah dan Sarawak tidak dapat dilaksanakan.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian tentang keberkesanan program yang dijalankan di pusat pemulihan akhlak ini dilakukan secara deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumennya pula berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada pelatih untuk dijawab. Seterusnya ujian statistik yang sesuai akan digunakan dalam menganalisis data-data yang diperolehi. Data-data yang dikumpulkan adalah untuk meninjau sikap, persepsi atau pandangan penghuni pusat terhadap program-program yang dilaksanakan.

Reka bentuk ini dipilih kerana ia amat sesuai memandangkan peranannya untuk meninjau dan mengenal pasti sikap pelatih yang telah mempunyai pengalaman mengikuti program-program di pusat ini. Mereka ini terdiri daripada pelatih-pelatih yang telah dimasukkan ke pusat ini untuk kali kedua atau lebih. Di masa yang sama juga melihat sikap pelatih yang belum pernah atau pertama kali mengikuti program-program yang dilaksanakan. Secara umumnya reka bentuk ini cuba melihat tentang keberkesanan kesemua program kepada pelatih secara menyeluruh.

Populasi dan Sampel Kajian

Sampel kajian dalam penyelidikan ini telah menggunakan Kaedah Persempelan Bukan Rawak jenis Persempelan Kelompok. Persempelan jenis ini dipilih kerana bersesuaian dengan keadaan sampel yang terdiri daripada pelatih-pelatih di Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Taman Seri Puteri Cheras, Selangor Darul Ehsan, , Sungai Lereh, Jerantut dan Taman Seri Puteri Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus, di mana terdapat beberapa sekatan daripada pihak pentadbiran, undang-undang dan etika dalam usaha mendapatkan sampel dan maklumat.

Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan untuk menguji semula kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian seterusnya dijalankan. Sebanyak 10 orang responden telah dipilih daripada populasi secara rawak untuk menjadi responden menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik. Mereka diberikan satu tempat dan masa untuk menjawab semua soal selidik dengan diawasi oleh penyelidik dan pembantunya.

Analisis Data

Data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan komputer melalui program SPSS. Penganalisaan data ini melibatkan beberapa jenis statistik seperti berikut:

- a. Penggunaan statistik deskriptif iaitu peratus digunakan untuk melihat taburan skor faktor demografi iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, tempat tinggal dan lain-lain.
- b. Kekerapan, Min dan Sisihan Piawaian digunakan untuk melihat keberkesanan program-program dengan kes yang pelatih-pelatih terlibat.

Hasil Dapatkan Kajian

1. Keberkesanan Program Bimbingan dan Kaunseling

Secara keseluruhannya program bimbingan dan kaunseling yang ada di tempat kajian ini adalah sederhana berkesan. Analisis kajian menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi program bimbingan dan kaunseling adalah 3.26.

Ini dapat dilihat dalam pernyataan tertinggi dalam faktor cara kaunselor melayan responden memperlihatkan minatnya yang mendalam dan ikhlas untuk membantu, didapati 61.5% menyatakan setuju, 17.8% tidak pasti, 20.7% tidak setuju. Min bagi item ini ialah 3.58.

Bagi pernyataan kedua tertinggi 60.4% responden yakin dan percaya bahawa kaunselor bertujuan untuk membantu mengatasi masalah mereka, 19.9% tidak pasti, 19.6% tidak setuju. Min 3.52.

Pada pernyataan ketiga tertinggi yang menyatakan perjumpaan dengan kaunselor akan membantu kurangkan perasaan ketegangan yang dihadapinya, didapati 55.7% menyatakan setuju, 20.8% tidak pasti dan 23.5% tidak setuju. Min bagi item ini ialah 3.47.

2. Keberkesanan Program Pendidikan Akhlak.

Pernyataan yang menyatakan aktiviti dan pelajaran agama yang diajar amat berfaedah kepada responden menduduki tempat pertama iaitu 81.9% menyatakan bersetuju, 50 orang, 10.1% tidak pasti, dan 8.0% tidak setuju. Min bagi item ini ialah 4.11.

Pernyataan yang kedua tertinggi ialah pendidikan agama terlalu pendek dan sukar diikuti untuk dihayati. Didapati 36.0% menyatakan bersetuju, 35.8% tidak bersetuju 28.1% tidak pasti. Min bagi item ini ialah 3.01.

Bagi pernyataan ketiga tertinggi, responden masih sukar berubah walaupun selepas mengikuti program keagamaan di pusat ini. Didapati 57.6% bersetuju, 28.1% tidak pasti dan 36.6% tidak bersetuju. Min item ini ialah 2.98.

Bagi pernyataan keempat tertinggi, responden menyatakan pengajar terpaksa mengajar dalam kumpulan yang besar dan tidak terkawal. Didapati 35.2% bersetuju, 25.4% tidak pasti dan 39.4% tidak bersetuju. Min item ini ialah 2.95. Ini menunjuk pernyataan ini ditolak oleh responden. Ini diikuti oleh tempat belajar agama tidak sesuai dan padat untuk para penghuni mengikutinya. Hasil kajian ini didapati 38.0% bersetuju dengan pernyataan ini, 20.8% tidak pasti dan 41.2% tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Min 2.95. Secara keseluruhannya keberkesanan pendidikan akhlak adalah sederhana di mana min menunjukkan 3.00 dan sisa piawai 0.56

Kesan ini menunjukkan ada kelemahan dalam perlaksanaan program pendidikan akhlak. Adalah tidak memuaskan

3. Keberkesanan Program Kebudayaan dan Sosial.

Pada kenyataan yang aktiviti kebudayaan dan sosial yang dijalankan di pusat ini dapat memenuhi keperluan responden, iaitu mereka rasa sungguh seronok bila menyertai acara sukan yang dikelolakan oleh pusat ini merupakan peratusan yang tertinggi di mana 69.2% bersetuju dengan pernyataan itu, 14.2% tidak pasti dan 16.7% tidak bersetuju. Min 3.73

Pernyataan kedua tertinggi ialah program yang dirancang berjaya membentuk diri mereka menjadi lebih berdisiplin. Didapati 58.7% bersetuju dengan pernyataan ini, 23.0% tidak pasti dan 18.3% tidak bersetuju. Min item ini ialah 3.55.

Bagi pernyataan banyak aktiviti di luar pusat ini banyak memberikan pendedahan kepada pelatih tentang keindahan alam, semangat setia kawan dan kebebasan menduduki peratusan ketiga tertinggi di mana 56.5% bersetuju dengan pernyataan ini, 20.8% tidak pasti dan 22.6% tidak bersetuju. Min 3.45

Secara keseluruhannya keberkesanan program perkhidmatan sosial kurang berkesan kerana min keseluruhannya ialah 2.8 dan sisa piawai 0.46

4. Kemudahan dan kelengkapan dalam pelaksanaan program.

Secara keseluruhannya didapati min keseluruhan ialah 2.99 adalah sederhana. Ini bermakna kemudahan yang sedia ada kurang dapat memenuhi keperluan pelatih dalam mengikuti program pemulihan di kedua-dua Pusat Perlindungan Taman Seri Puteri dan Tunas Bakti di Semenanjung Malaysia.

Daripada hasil kajian, didapati pernyataan seperti bahan-bahan bacaan dan rujukan di bilik pusat sumber kerjaya di pusat ini tiada kemudahan meminjam kepada pelatih menduduki tempat teratas dengan 51.9% responden bersetuju, 18.6% tidak pasti dan 29.5% tidak bersetuju. Kedudukan min ialah 3.56.

Bagi pernyataan yang menduduki tempat kedua, bilik penginapan, tandas dan bilik mandi tidak sesuai dan terdapat banyak kerosakan, menunjukkan 55.2% bersetuju dengan pernyataan ini, 14.5% tidak pasti dan 30.2% tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 3.36

Bagi pernyataan yang menduduki tempat ketiga, keadaan tilam, bantal dan katil yang disediakan oleh pusat ini cukup selesa, menunjukkan 54.3% bersetuju dengan pernyataan ini, 14.5% tidak pasti dan 30.9% tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 3.27

Seterusnya bagi pernyataan yang menduduki tempat keempat, kemudahan tempat khas untuk pertemuan dengan ahli keluarga sangat memuaskan, didapati 49.8% bersetuju dengan pernyataan ini, 13.9% tidak pasti dan 34.4% tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 3.09.

Akhir sekali pernyataan yang kelima padang permainan dan kelengkapan sukan tidak digunakan oleh pelatih sepenuhnya. Didapati 42.1% bersetuju dengan pernyataan ini, 24.6% tidak pasti dan 33.4% tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah

5. Keberkesanan peranan yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Pelawat.

Min keseluruhan pada bahagian ini ialah 3.2. Ini menunjukkan keberkesanan peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pelawat secara keseluruhannya adalah pada peringkat sederhana. berkesan. Ini menunjukkan masih banyak lagi ruang yang perlu diperbuat oleh o Ahli Lembaga Pelawat dalam usaha membantu pelatih menjalani proses pemulihan di Taman Seri Puteri dan Tunas bakti.

Bagaimanapun kalau dilihat min pada setiap item wujud perbezaan di sini. Bagi pernyataan menunjukkan peratusan yang tertinggi sekali ialah Lembaga Pelawat memberikan komitmen yang serius dalam proses pemulihan. Ini dapat dilihat 66.3% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 29.5% tidak pasti dan hanya 14.2% menyatakan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Min bagi pernyataan ini ialah 3.77.

Pernyataan menunjukkan peratusan yang kedua tertinggi sekali ialah kerjasama oleh Lembaga Pelawat banyak memberi sokongan kepada pelatih semasa mengikuti program. Ini dapat dilihat 72.6% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 20.2% tidak pasti dan hanya 12.6% menyatakan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Min bagi pernyataan ini ialah 3.73

Pernyataan menunjukkan peratusan yang ketiga tertinggi sekali ialah mereka sedar kehadiran lembaga pelawat banyak membantu melicinkan pengurusan pusat ini. Ini dibuktikan 47.0% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 24.1% tidak bersetuju dan 28.7% tidak pasti. Min bagi pernyataan ini ialah 3.43. Pernyataan menunjukkan peratusan yang keempat tertinggi sekali tanpa sokongan lembaga pelawat aktiviti pusat tidak akan memberi apa-apa makna kepada mereka. Ini dibuktikan 46.7% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 24.3% tidak bersetuju dan 24.3% tidak pasti. Min bagi pernyataan ini ialah 3.31. Pernyataan menunjukkan peratusan yang kelima tertinggi sekali ialah peranan yang dimainkan oleh lembaga pelawat dalam pengurusan pusat ini tidak berkesan. Pernyataan ini dipersetujui oleh responden. Ini dapat dilihat 45.9% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 30.3% tidak pasti dan hanya 28.7% menyatakan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Min bagi pernyataan ini ialah 3.28.

Secara keseluruhannya didapati minnya ialah 3.2 dan sisihan piawai 0.55

6. Punca-punca terlibat dalam gejala sosial

Bagi pernyataan menunjukkan peratusan yang tertinggi sekali ialah majlis-majlis sosial memberikan mereka peluang untuk bergaul dengan lebih ramai orang. Ini dapat dilihat 65.9% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 17.8% tidak pasti dan hanya 16.4% menyatakan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Min bagi pernyataan ini ialah 3.7.

Pernyataan menunjukkan peratusan yang kedua tertinggi sekali ialah mereka pernah mengalami kekecewaan dalam percintaan. Ini dapat dilihat 68.6% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 10.9% tidak pasti dan hanya 20.5% menyatakan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Min bagi pernyataan ini ialah 3.6.

Pernyataan menunjukkan peratusan yang ketiga tertinggi sekali ialah kebanyakannya daripada masa lapang mereka dihabiskan di luar bersama dengan rakan-rakan sebaya. Ini dapat dilihat 63.9% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut, 10.9% tidak pasti dan hanya 25.2% menyatakan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan kedua ialah mereka sangat berminat dengan kegiatan sosial di luar rumah. Responden yang menyatakan persetujuan dalam pernyataan ini ialah 62.6%, 16.4% tidak pasti dan 21.1% tidak bersetuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.5.

Akhir sekali pernyataan yang kelima ialah mereka rasa tidak begitu rapat dengan ahli keluarga mereka. Didapati 51.7% bersetuju dengan pernyataan ini, 19.7% tidak pasti dan 28.7% tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 3.3.

Rumusan.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan di kedua-dua pusat perlindungan wanita dan gadis Taman Seri Puteri Cheras, Jerantut dan Rembau dan Tunas bakti Melaka, jelaslah bahawa pelatih-pelatih di kedua-dua pusat ada menghadapi beberapa masalah dalam mengikuti program-program yang sedia ada.

Ada beberapa masalah yang telah dikenal pasti dalam program bimbingan dan kaunseling. Terutama sekali pihak yang bertanggungjawab merancang program tersebut perlu mengenal pasti dan memperbaiki serta meningkatkan kaedah dan pelaksanaan oleh kaunselor dalam sesi kaunseling. Sabitha (1994) dalam kajiannya menyatakan bahawa program pemulihan dalam komuniti dan pemulihan di institusi kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat seharusnya dikaji dari masa ke semasa agar segala perancangan dan program-program yang disediakan selaras dengan kehendak dan persekitaran remaja.

Satu lagi masalah yang agak kritikal, khasnya di Taman Seri Puteri Cheras di mana tidak terdapat seorang pun kaunselor yang bertauliah bertugas sepenuh masa. Mereka mengharapkan pelajar-pelajar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia membuat latihan kaunseling menolong mereka dalam sesi kaunseling.

Merujuk kepada pelaksanaan Program Pendidikan Akhlak, terdapat juga beberapa kelemahan yang perlu di atasi. Di antara kelemahan tersebut, melibatkan aktiviti yang dilaksanakan tidak menarik malah membosankan. Pihak yang bertanggungjawab perlu prihatin terhadap keperluan yang pelbagai di kalangan pelatih. Latar belakang pelatih yang berbeza-beza seharusnya dijadikan rujukan dan panduan dalam merangka program pendidikan akhlak di pusat perlindungan wanita dan gadis, Taman Seri Puteri.

Kajian ini juga menunjukkan Program Kebudayaan dan Sosial yang sedang dilaksanakan tidak bersifat menyeluruh. Adalah perlu di sini pihak yang bertanggung jawab dalam merangka program memastikan penglibatan semua pelatih dalam pelaksanaannya. Juga perlunya satu perancangan yang rapi dibuat agar setiap program yang akan dilaksanakan dapat dijalankan dengan lebih teratur dan dapat pula memberi manfaat kepada pelatih (Sharifah, 1990).

Cadangan.

Berpandukan dapatan kajian ini cadangan berikut dikemukakan untuk mengurangkan dan mengatasi masalah yang telah dikenal pasti berhubung dengan pelaksanaan program-program di pusat perlindungan wanita dan gadis, Taman Seri Puteri Cheras, Jerantut dan Rembau dan Tunas Bakti Melaka.

Berikan kursus pengukuhan dan peningkatan kemajuan staf sekirap yang mungkin kepada semua kakitangan yang terlibat secara langsung dengan pelatih dan program.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat hendaklah memastikan kaunselor yang bertugas di Taman Seri Puteri terdiri daripada kaunselor yang berpengalaman, bertaualiah dan berkhidmat sepenuh masa. Bilangan kaunselor yang bertugas juga mestilah bersesuaian dengan jumlah pelatih di sesuatu tempat.

Kelengkapan dan kemudahan yang disediakan mestilah sesuai dan dapat digunakan serta dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelatih sepanjang masa mereka mengikuti program.

Dalam program kebudayaan dan sosial, skop dan aktivitinya perlu diperluaskan. Ini bermakna program yang akan dilaksanakan seharusnya melibatkan masyarakat tempatan di sekeliling pusat perlindungan. Program yang sebegini bentuknya diharapkan dapat membentuk keyakinan kendiri pelatih kepada kehidupan bermasyarakat.

Berikan peluang pihak Universiti/NGO membantu mengurangkan tekanan di kalangan pelatih dengan mengambil bahagian sesi kaunseling di mana-mana Taman Puteri di Malaysia. Ada sesetengah Taman Puteri terlalu ketat undang-undangnya tidak membenarkan pihak universiti membantu mereka dari segi pelaksanaan seperti projek khidmat siswa di pusat tersebut.

Cadangan mengemaskinikan dan menyemak semua program yang ada mengikut keperluan semasa. Contohnya pendedahan pelatih kepada kemahiran Teknologi Maklumat.

Untuk meningkatkan pengalaman dan kemahiran staf dalam mengendalikan pusat ini, pihak yang bertanggung jawab seharusnya memberikan stafnya pendedahan kepada program yang dilaksanakan di luar negara. dan bilangan staf perlu ditambah bagi mengimbangi jumlah pelatih yang terlalu ramai.

Dari segi latihan kemahiran, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu bekerjasama dengan pihak latihan MARA melatih pelatih di pusat ini dengan kemahiran tertentu yang boleh mengubahkan sikap mereka apabila mereka keluar nanti. Umpamanya dari segi kemahiran memasak, jahitan, ketering dan sebagainya. Berikan mereka sijil yang diiktiraf yang boleh melayakkan mereka membuat pinjaman kewangan untuk memulakan penghidupan baru selepas tamat nanti. Pihak MARA akan membuat pemantauan dan membimbing mereka selepas mereka keluar nanti. Oleh itu tendensi untuk mereka balik ke aktiviti asal akan berkurangan.

Adakan sesi kaunseling dengan keluarga pelatih sebelum mereka ini tamat latihan. Sesi ini bertujuan memberi pengetahuan dan kefahaman untuk membuat persediaan agar keluarga mereka sanggup menerima mereka dengan baik tanpa mempunyai perasaan buruk sangka kepada anak mereka. Ini penting kerana penerimaan keluarga boleh membantu mengurangkan terjerumusnya semula mereka ke kancang gejala sosial yang negatif.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Al Hadi Muhamed. (1995). *Permasalahan Bohsia/Bohjan : Satu Tinjauan Dari Sudut Kedudukan Faktor dan Cara Menanganinya*. Prosiding Seminar Kebajikan Gejala Sosial. Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Su Mustaffa. (1995). *Pendekatan Projek Amanah Ikhtiar Malaysia Dalam Menangani Masalah Kemiskinan*. Journal Kebajikan Masyarakat. Vol.18, ms: 1-13
- Hanita Mohd Yusoh. (1997). *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Pusat Serenti Tampoi*. Projek Kajian Diploma Perguruan Khas yang tidak diterbitkan. MPTI..JB.
- Jaafar Abd.Rahim. (1997). *Mendidik Remaja Secara Proaktif*. Dewan Siswa Bil.8.Jilid 19. DBP. K.Lumpur.
- Jaafar Abdul Wahid. (1989). *Ke Arah Meningkatkan Program Perkhidmatan Pemulihan Akhlak*. Journal Kebajikan Masyarakat. Vol.9, No.1, ms:29-34.
- Mahmood Nazar. (1989). Masalah Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Remaja Sekolah. Journal Kebajikan Masyarakat. Vol.10, ms: 32-42.
- Mohd Khairir Abdullah. (1985). *Masalah Penyesuaian di Kalangan Kaum Remaja yang tinggal dibandar*. Satu kajian perbandingan antara Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Harian. Projek Penyelidikan yang tidak diterbitkan. Serdang. UPM
- Mohd Nor Thani (1999). Keberkesanan Program Pemulihan Akhlak di Taman Puteri Cheras dan Rembau. Pppprojek Sarjana yang Tidak Diterbitkan UTM.
- Samsudin A.Rahim. (1995). *Isu Remaja dan Gejala Sosial: Potensi Peranan Komunikasi Pembangunan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Gejala Sosial. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Semin, G.R. & Fiedler, K. (1996). *Applied Social Psychology*. Sage Publication. California.
- Sezali Din. (1997). *Langkah Menangani Gejala Sosial*. Akademik Keluaran Khas. Bil.123. Al Azim Publication. Tmn.Keramat Permai. K.Lumpur
- Shamsiah Abdullah. (1977). *Pelacur dan Pelacuran. Satu Tinjauan di Kalangan Masyarakat Melayu*. Kertas Kerja. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. UM.

- Siti Hawa Omar. (1987). *Penglibatan Belia Wanita Melayu Dalam Pelacuran Dari Aspek Keluarga*. Projek Penyelidikan yang tidak diterbitkan. Serdang. Universiti Pertanian Malaysia.
- Turiman Suandi. (1997). *Gejala Sosial: Belia Boleh Membantu*. Dewan Budaya. Bil.4. Jilid 19. DBP. K.Lumpur.
- Vengadesan, R.S. (1991). *Keberkesanan Program di Institusi Kebajikan*. Journal Kebajikan Masyarakat. Vol.1, ms: 16-26.
- Wan Hussain Azmi Abd.Kadir. (1994). *Kaunseling & Psikologi Menurut Islam*. DBP. Kuala Lumpur.
- Zaini Ujang. (1997). *Benarkah Remaja Berpenyakit Sosial*. Dewan Siswi. Bil.4. Jilid 19. DBP. K.Lumpur.